

agama

Polemik ASN dan ASB

Kegagalan menghormati, mengiktiraf pihak berkuasa menyebabkan timbul kekeliruan

MUZAKARAH Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-80 yang bersidang pada 1 hingga 3 Februari 2008 telah memutuskan skim pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima pelabur adalah harus hukumnya.

Hukum harus yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bersama mufti-mufti seluruh negara dan individu mempunyai kepakaran dalam bidang fikah bertujuan menjaga kepentingan dan maslahah serta mengelakkan kemudarat lebih besar terhadap sosio ekonomi umat Islam.

Keputusan yang diputuskan itu bagaimanapun masih belum dapat menghentikan pertikaian yang sehingga kini masih rancak diperdebat, terutama di media sosial berhubung hukum pelaburan dalam ASN mahupun ASB.

Polimek mengenai ASN dan ASB tercetus semula selepas Jabatan Mufti Selangor mengeluarkan fatwa bahawa skim pelaburan itu tidak halal dan bertentangan dengan hukum syarak selepas bersidang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 2/2011.

Percanggahan itu tercetus selepas mesyuarat tersebut memutuskan dana ASN dan ASB terlibat dalam aktiviti pelaburan yang bercampur-campur antara patuh syariah dan tidak patuh syariah, selain penglibatan di sektor kewangan konvensional.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad berkata, wujud perbezaan hukum itu kerana termaktub dalam undang-undang bahawa kuasa

Oleh SITI NURAZLINA JAMALUDIN
(utusankelantan@utusan.com.my)

mengeluarkan fatwa adalah terletak dalam bidang kuasa negeri.

“Bagaimanapun jika menyentuh kepentingan nasional maka pandangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum sebarang fatwa dikeluarkan oleh negeri bagi mewujudkan penyelesaian dalam hukum-hakam di negara ini.

HUKUM HARUS

“Sehubungan itu, saya menasihatkan orang ramai supaya menghormati dan mempercayai institusi fatwa (Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan) mengenai hukum harus yang diputuskan mengenai skim pelaburan ASN dan ASB.

“Semua mufti dari seluruh negara telah bersidang sebelum membuat keputusan tersebut. Jangan kerana satu atau dua buah negeri mengeluarkan fatwa berbeza, pandangan majoriti mufti di negara ini turut ditolak,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Jelas Mohamad Shukri lagi, pencanggahan hukum mengenai skim pelaburan dalam ASN dan ASB wujud disebabkan dalil atau sandaran pegangan yang bermaksud: “Apabila berlaku pencampuran antara halal dan haram



DATUK MOHAMAD SHUKRI MOHAMAD

maka yang dominannya dihukum sebagai haram.”

Tegasnya, dalil itu menjadi justifikasi dalam percampuran antara halal dan haram adalah tidak boleh.

“Sesetengah pihak berpegang teks itu sebagai sebuah hadis namun ada yang menolaknya kerana beranggapan sumbernya tidak jelas.

“Ada juga pihak yang menanggap dalil itu sebagai kaedah fikah yang terbahagi kepada dua iaitu dipakai secara mutlak yang mana asal sahaja bercampur antara halal dan haram, hukumnya haram.

“Sementara kaedah kedua pula mempunyai pengecualian. Saya berpegang kepada kaedah ini yang mempunyai pengecualian-pengecualian tertentu,” katanya.

Tambahnya, terdapat juga kaedah lain yang bermaksud: “Perkara yang haram tidak boleh mengharamkan perkara yang halal.”

Mohamad Shukri turut memberitahu, skim pelaburan ASN dan ASB diharuskan kerana unsur haram itu amat kecil berbanding aktiviti utama.

Malah ujarnya, Suruhanjaya Sekuriti juga menggunakan pandangan berkecuali dalam menentukan sesuatu institusi itu mematuhi prinsip syariah ataupun tidak.

Jelas beliau, terdapat pandangan yang bermaksud: “Sekiranya perkara halal lebih banyak maka suatu urusan niaga tidaklah dihukum sebagai haram.

“Kita (Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan) memutuskan hukum

melabur dalam ASN dan ASB itu harus dengan mengambil kira juga kaedah.;

“Apabila terdapat percampuran antara yang baik dan yang buruk maka perlu dinilai.”

Keharusan pelaburan dalam ASN dan ASB kata beliau, tidak perlu dilihat kepada kaedah fikah semata-mata tetapi lebih utama adalah dengan mengambil kira maslahah ummah.

Mohamad Shukri berkata, kerajaan menubuhkan Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) pada 1978 untuk mengatas kemiskinan yang dihadapi bumiputera dan umat Islam.

Ujarnya, Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang ditubuhkan YPB kemudian memperkenalkan skim pelaburan ASN dan ASB yang bertujuan untuk mengembangkan simpanan individu (Bumiputera dan umat Islam) melalui pemasaran dan penjualan skim unit amanah.

“Majoriti penduduk beragama Islam dan bumiputera di negara ini mempunyai pendapatan isi rumah yang masih lemah. Kebanyakan mereka juga daif.

“Itu adalah satu realiti yang tidak boleh dinafikan mana-mana pihak. Penyertaan dalam aktiviti pelaburan seumpama ini dilihat mampu memberi manfaat kepada sosio ekonomi umat Islam dan bumiputera secara tidak langsung,” kata Mohamad Shukri.

Dalam pada itu, tambahnya, skim pelaburan ASN dan ASB yang diperkenalkan oleh kerajaan itu tidak sepertutnya disamakan fungsinya dengan institusi pelaburan komersial yang lain.

Ujar beliau, hal itu kerana PNB tidak melabur dalam syarikat yang menjalankan aktiviti utama bertentangan dengan syariah seperti arak, judi dan pelacuran.

PISWI utamakan pendidikan

PANEL Isu-Isu Semasa Wanita Islam (PISWI) menyeru ibu bapa supaya menekankan pendidikan secara positif kepada kanak-kanak berbanding hukuman fizikal, seperti merotan atau memukul.

Langkah itu perlu menyedari bahawa golongan kanak-kanak seharusnya disayangi dan dikasihi kerana fitrah mereka yang memerlukan kasih sayang daripada orang yang rapat dengan mereka.

Malahan, sebagaimana seorang doktor menggunakan pelbagai cara semasa mengubati pesakit-pesakit, seseorang murabbi juga semestinya menggunakan pendekatan-pendekatan yang berbeza di dalam mendisiplinkan kanak-kanak.

Saranan itu adalah hasil yang dicapai dalam diskusi meja bulat PISWI yang diadakan di Institut Pemikiran dan

Tamadun Antarabangsa Islam (ISTAC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Diskusi yang memfokuskan kepada isu merotan anak yang kini menjadi polemik perbahasan dalam kalangan masyarakat dan keperluan penerapan pendekatan positif di dalam mendidik kanak-kanak.

Seramai 35 orang pakar yang terdiri daripada pelbagai bidang termasuk bidang undang-undang, pendidikan, sosial, syariah, fatwa dan media telah menghadiri diskusi tersebut.

Selaras dengan itu juga, diskusi tersebut turut merangka pelan tindakan jangka pendek dalam memberi



PENERUSI PISWI, Prof. Datuk Seri Dr. Zaleha Kamaruddin (tengah) turut memberi pandangan dalam diskusi meja bulat PISWI, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

kesedaran dan pendidikan kepada ibu bapa di negara ini bagi mendidik kanak-kanak secara lebih positif dan penuh kasih sayang.

Namun, diskusi itu menegaskan bahawa tindakan merotan mestilah dilakukan dengan syarat untuk

mendidik dan bukan untuk menyeka atau mendera.

Ibu bapa perlu memastikan rotan atau pukulan tersebut tidak serius dan dilakukan mengikut adab-adab serta tata cara yang telah digariskan oleh syariat.

peristiwa

mendidik dan bukan untuk menyeka atau mendera.

Ibu bapa perlu memastikan rotan atau pukulan tersebut tidak serius dan dilakukan mengikut adab-adab serta tata cara yang telah digariskan oleh syariat.